



KONFERENSI AKADEMIK

SOARING
UPWARDS
MALAYSIAN HIGHER EDUCATION



جامعة تكنولوجيا مارا
UNIVERSITI
TEKNOLOGI
MARA

KONAKA

KONFERENSI AKADEMIK

2016

Pengkongsian Ilmu Dari Perspektif Islam

30 November 2016 | Rabu
UiTM Cawangan Pahang
Kampus Jengka



MELONJAK UTM
DI PERSADA GLOBAL

UiTM Sentiasa

Konsep dan Aplikasi *Sadd al-Dhara'i* dalam Nikah *Muhallil* Menurut Hukum Syarak

Asjad Mohamed^{1*}, Mohd Kamal Azman Jusoh², Muhammad Muzakkir Othman³,
Norhapizah Mohd. Burhan⁴, Siti Zafrina Mohd Zahari⁵

¹⁻⁵Academy of Contemporary Islamic Studies, Universiti Teknologi MARA Pahang,

Kampus Jengka, 26400 Bandar Tun Abdul Razak Jengka, Pahang Malaysia

asjad@pahang.uitm.edu.my, mkamalazman@pahang.uitm.edu.my, ziekir@pahang.uitm.edu.my

izahuaum@pahang.uitm.edu.my, zafrina@pahang.uitm.edu.my

*Penulis Rujukan

Abstrak: Undang-undang dan syariat Islam mempunyai beberapa prinsip asas dalam menghasilkan sesuatu hukum dan menyelesaikan pemasalahan semasa. Antara kaedah penting yang digunakan untuk mengistinbat (mengeluarkan) hukum dalam pelbagai aspek termasuk persoalan pernikahan ialah prinsip *Sadd al-Dhara'i*. Bagaimanapun, didapati penggunaan kaedah atau prinsip ini agak terpinggir dan merupakan sesuatu yang asing dalam kalangan masyarakat. Mereka lebih selesa untuk mengaplikasikan teori-teori barat dalam menghadapi sebarang persoalan kekeluargaan dan pernikahan. Selain itu, isu-isu yang mencemarkan institusi kekeluargaan dilihat semakin bertambah dan meningkat. Justeru, kajian ini membincangkan mengenai konsep *Sadd al-Dhara'i*, perkaitan dan aplikasinya terhadap permasalahan berhubung aspek *munakahat* iaitu berkenaan isu nikah *muhallil*. Kajian ini dilakukan dalam bentuk kualitatif dan menggunakan metod kajian kepustakaan. Hasil daripada kajian ini diharapkan dapat memperkenalkan prinsip *Sadd al-Dhara'i* kepada masyarakat serta menjelaskan kepada mereka tentang peranannya dalam menyelesaikan pelbagai isu kekeluargaan dan pernikahan. Di samping, mendedahkan tentang kaedah mengaplikasi prinsip ini dalam kes nikah *muhallil*.

Kata Kunci: Aplikasi, Nikah *Muhallil*, Konsep, *Sadd al-Dhara'i*

1. Pengenalan

Sumber perundangan dalam syariat Islam terbahagi kepada dua kategori iaitu, pertama; Sumber-sumber yang disepakati seperti al-Quran, hadis ijmak dan qiyas. Kedua; Sumber-sumber yang tidak disepakati seperti *Istihsan*, '*Uruf, Istishab, Sadd al-Dhara'i*' dan lain-lain. *Sadd al-Dhara'i* merupakan suatu kaedah yang boleh memberi pengaruh kepada pembinaan hukum-hakam dalam syariat Islam termasuklah dalam aspek munakahat dan kekeluargaan. Bagaimanapun, kaedah *Sadd al-Dhara'i* perlu lebih diperkenalkan kepada masyarakat awam begitu juga kepada para sarjana dan ahli akademik agar mereka dapat mengaplikasikan prinsip ini dalam menangani sesuatu persoalan kehidupan serta melaksanakan hukum-hakam syariat. Prinsip *Sadd al-Dhara'i* juga didapati sangat efektif dalam merungkai isu-isu pelbagai bidang seperti munakahat dan kekeluargaan. Isu nikah *muhallil* juga sangat berkait rapat dengan penggunaan kaedah *Sadd al-Dhara'i*. Justeru, kajian ini akan meninjau tentang perkaitannya dari perspektif syarak.

2. Kajian Literatur

Setakat kajian yang dilakukan, penulis mendapati bahawa perbincangan khusus secara berasingan mengenai isu konsep dan aplikasi *Sadd al-Dhara'i* dalam Nikah *Muhallil* menurut hukum syarak masih belum dijalankan oleh para penyelidik.

Bagaimanapun, terdapat dari kalangan sarjana dan ulama kontemporari telah menghasilkan penulisan buku mengenai kaedah *Sadd al-Dhara'i*. Antaranya seperti Muhammad Hisyam al-Burhani dengan penulisannya *Sadd al-Dhara'i fi al-Syari'ah al-Islamiyyah* dan Mahmud Hamid Uthman yang menghasilkan penulisan *Qa'idah Sadd al-*

Dhara'i' wa Atharuha fi al-Fiqh al-Islamiy. Penulisan mereka secara umumnya agak berbeza dengan kajian yang dilakukan oleh penyelidik kerana mereka membincangkan berkenaan *Sadd al-Dhara'i'* secara lebih luas dengan menyentuh perbincangan dari pelbagai sudut dan perkaitannya dalam bidang-bidang syariah.

Manakala kajian ini hanya difokuskan berkenaan konsep dan aplikasinya dalam bidang munakahat yang tertumpu kepada isu nikah *muhallil*. Justeru, diharapkan kajian ini dapat menyumbang ke arah peningkatan kefahaman masyarakat mengenai konsep *Sadd al-Dhara'i'* dan peranannya dalam pembinaan hukum pelbagai aspek terutamanya munakahat.

3. Definisi *Sadd al-Dhara'i'*

Sadd al-Dhara'i' adalah gandingan dua perkataan yang telah disatukan. Kalimah *al-Sadd* dalam bahasa Arab bererti tutup (Ibn Manzūr, 1968). Dari segi istilah juga ia turut memberi makna menutup. Namun, jika digandingkan dengan perkataan *al-dhari'ah* ia bererti menutup jalan ke arah kerosakan.

Perkataan *al-dhara'i'* dari sudut bahasa ialah kata jamak bagi *al-dhari'ah*. Ia mempunyai beberapa makna yang berlainan, tetapi yang dimaksudkan dalam kajian ialah ‘perantaraan atau jalan ke arah suatu perkara’ (Ibn Manzūr, 1968). Pada istilah ahli *Usūl al-Fiqh* pula, *al-dhari'ah* mempunyai beberapa pengertian berdasarkan kepada pemahaman aliran masing-masing. Perbezaan ini tercetus dari gandingan perkataan *al-sadd* dengan *al-dhara'i'*. Persoalannya berlegar sama ada perlu digandingkan kedua-dua perkataan tersebut atau sebaliknya. Bagi mereka yang menganggap perkataan *al-dhara'i'* bermakna “jalan”, iaitu jalan ke arah perkara yang disyariatkan atau yang dilarang, maka mereka mengabaikan perkataan *al-sadd* (menutup) dan tidak membuat gandingan. Manakala mereka yang menghususkan maksud “jalan” di sini hanya digunakan pada perkara yang dilarang, maka mereka akan mengekalkan perkataan tersebut (*al-sadd*) dan menggandingkannya dengan perkataan *al-dhara'i'*. Dengan ini ia memberi pengertian “menutup jalan ke arah perkara yang dilarang” (Qal'ahjiy, 2000).

Bagaimanapun, para ulama berbeza pendapat dalam memberi definisi sebenar bagi perkataan *al-dhari'ah* seperti berikut:

Pendapat pertama: *Al-dhari'ah* ialah suatu yang menjadi perantara ke arah perkara yang diharam atau dihalalkan. Pendapat ini dipelopori oleh al-Imām al-Qurafi (1973) dan Ibn Qayyim RH (1993).

Kedua: Ia hanya jalan ke arah perkara yang dilarang. Pendapat ini diutarakan oleh al-Imām al-Shatibi (t.th), al-Baji(1986), Ibn Rushd (1988), al-Qurtubi (1967) RH dan lain-lain.

Ketiga: *Al-dhari'ah* adalah jalan ke arah sesuatu perkara, tetapi ia lebih dikenali pada ‘*Uruf* para fuqaha sebagai jalan ke arah perkara haram. Pendapat ini dinyatakan oleh Sheikh al-Islam Ibn Taymiyyah RH (t.th).

Berdasarkan kepada beberapa definisi berkenaan perkataan *al-dhari'ah*, dapat dirumuskan bahawa makna yang paling tepat bagi perkataan tersebut terutamanya apabila disandarkan kepada perkataan *al-sadd* (menutup) ialah; sesuatu yang pada zahirnya harus, tetapi boleh membawa kepada perkara yang haram. Definisi ini dinyatakan oleh Ibn Rushd (t.th) dan al-Shawkāni RH (1994).

4. Asas-Asas Pembinaan *Sadd Al-Dhara'i'*

Setiap kaedah am yang terbentuk, mempunyai asas pembinaannya tersendiri. Melalui pemerhatian dan pengamatan terhadap asas yang diguna pakai dalam proses pembinaan sesuatu kaedah, kita dapat mengenal pasti dan membezakan antara kaedah yang sahih dan batil.

Pada asalnya, asas yang digunakan sebagai pengukur untuk membezakan sesuatu *al-dhari'ah* (jalan) sama ada boleh digunakan atau sebaliknya, ialah berdasarkan kepada kesudahan sesuatu perbuatan. Ini bermakna suatu perbuatan yang harus akan bertukar menjadi haram, jika kesudahan tindakan tersebut akan membawa kepada kerosakan yang diharamkan. Melihat kepada kesudahan negatif ini, sesuatu perbuatan harus tetap menjadi haram walaupun si pelaku berniat baik dan tidak bermaksud untuk melakukan perbuatan haram.

Justeru, untuk memakai kaedah *Sadd al-Dhara'i'*, tidak terbatas kepada niat pelaku semata-mata, malah hasil serta implikasi buruk dari suatu perbuatan juga diambil kira. Sesuatu perbuatan diterima atau ditolak serta dipuji atau dikeji bergantung kepada akibatnya. Dalam hal ini, Muhammad Abu Zuhrah (t.th) menyatakan bahawa menjadi dasar dalam mengambil kira sesuatu *al-dhara'i'* sebagai sumber hukum Islam ialah dengan melihat kepada akibat suatu perbuatan. Perbuatan yang menjadi perantara ditentukan hukumnya mengikut ketentuan hukum yang terdapat pada perbuatan yang menjadi sasaran, sama ada akibat perbuatan itu dikehendaki terjadi atau tidak. Jelasnya perbuatan yang membawa ke arah haram adalah haram.

Asas utama bagi kaedah ini adalah berdasarkan kepada beberapa dalil, antaranya seperti berikut:

- i. Firman Allah SWT:

وَلَا تَسْبُوا الَّذِينَ يَدْعُونَ مِنْ دُونِ اللَّهِ فَيَسْبُوا اللَّهَ عَدُوًا بِغَيْرِ عِلْمٍ

Maksudnya:

“Dan janganlah kamu memaki mereka yang meminta-minta daripada selain Allah SWT, nescaya mereka akan memaki Allah sebagai permusuhan dengan tanpa ilmu.”

(Al-An'ām 6:108)

Di sini, penggunaan *Sadd al-Dhara'i'* kelihatan jelas apabila Allah SWT milarang kita daripada memaki hamun mereka yang berdoa kepada selain Allah SWT, walaupun tindakan kita itu tidak mempunyai maksud yang lain kecuali hanya tidak bersetuju dan benci kepada perbuatan tersebut. Meskipun perbuatan syirik itu salah, tetapi kesudahan memaki mereka adalah lebih buruk, iaitu mereka akan membalaikan dengan memaki Allah SWT.

- ii. Nabi Muhammad SAW tidak membunuh orang munafik di sekeliling Baginda, walaupun mereka muncul dan membuat fitnah dalam kalangan orang Islam yang sedang menghadapi kesusahan. Ini kerana langkah Baginda itu sebagai menyekat jalan (*al-dhara'i'*) daripada menyebabkan orang ramai menuduh bahawa Muhammad SAW telah membunuh sahabat-sahabatnya(al-Naysābūri, 1954).
- iii. Larangan daripada memotong tangan pencuri dalam peperangan supaya dia tidak berpaling tada dan menyertai orang musyrikin. Sabda Rasulullah SAW:

لَا تقطع الأيدي في الغزو

Maksudnya:

“Tangan tidak akan dipotong dalam peperangan.”

(Riwayat al-Tirmiziy)

Oleh yang demikian, ketua tentera dilarang menjalankan hukuman hudud sewaktu perperangan, kerana keburukan yang akan timbul adalah lebih buruk berbanding kebaikan.

Berdasarkan kepada asas utama pembinaan *Sadd al-Dhara'i'*, iaitu melihat kepada kesudahan sesuatu perbuatan, secara tidak langsung menunjukkan bahawa ia turut dibina berteraskan kepada beberapa asas lain iaitu kaedah-kaedah fiqh (al-Burnu, 1983) seperti berikut (al-Muqri, 1996):

درء المفاسد مقدم على جلب المصالح

Maksudnya:

“Menolak kerosakan lebih utama daripada mengambil kebaikan.”

ما حرم استعماله حرم اتخاذه

Maksudnya:

“Sesuatu yang diharamkan penggunaannya, diharamkan juga pengambilannya.”

إذا اجتمع الحلال والحرام غالب الحرام

Maksudnya:

“Apabila halal dan haram berkumpul maka menanglah haram.”

من استعجل شيئاً قبل أو وانه عوقب بحرمانه

Maksudnya:

“Sesiapa yang tergesa-gesa untuk mendapatkan sesuatu sebelum tiba masanya, dia akan dihukum dengan tidak boleh memperolehinya.”

5. Aplikasi *Sadd al-Dhara'i'* dalam Nikah *Muhallil*

Secara umumnya kaedah dan prinsip *Sadd al-Dhara'i'* banyak digunakan dalam isu-isu *munakahat* sebagai menyokong dan mengukuhkan hujah dalil qat'ie dari al-Quran dan Sunnah. Namun, dalam kajian ini pengkaji hanya menumpukan perbincangan mengenai aplikasi *Sadd al-Dhara'i'* terhadap isu nikah *muhallil*.

6. Pendapat dan Hujah Para Ulama

Nikah *muhallil* ialah pernikahan yang dilangsungkan dengan tujuan untuk menghalalkan semula wanita yang ditalak tiga kepada suaminya yang pertama (Qal'ahjiy, 2000). Pernikahan ini juga digelar dalam kalangan masyarakat sebagai pernikahan cina buta. Para ulama berselisih pendapat mengenai hukum bagi isu ini. Secara ringkasnya terdapat tiga pandangan ulama mengenai isu nikah *muhallil* seperti berikut:

Pertama: Majoriti ulama termasuk Mazhab Maliki (al-Khurasyiy, 1997) dan Hanbali (Ibn Qudamah, 1994) bahawa nikah *muhallil* adalah haram dan terbatal.

Kedua: Imam Abu Hanifah menyatakan bahawa nikah *muhallil* hukumnya sah tetapi *makruh tahrim* (Al-Kāsāni, 2000).

Ketiga: Pendapat *marjuh* (lemah) dalam Mazhab Shafī'i pula menyatakan bahawa sah nikah *muhallil*, sekiranya si lelaki berkahwin dengan perancangan selepas persetubuhan dengan isterinya dia akan menceraikannya. Namun, sekiranya merancang selepas persetubuhan terus terbatal pernikahannya maka hukumnya tidak sah dan diharamkan (al-Shiraziy, 1996).

Hujah pandangan *marjuh* dalam Mazhab Shafī'i yang menyatakan nikah *muhallil* adalah sah sekiranya si lelaki berkahwin dengan perancangan selepas persetubuhan dia akan menceraikan isterinya, ialah kerana pada zahirnya akad pernikahan itu telah sempurna dengan memenuhi rukun dan syarat yang ditetapkan oleh syarak. Tambahan pula, penghakiman dan penentuan sesuatu hukum hanyalah berdasarkan kepada perkara yang zahir dan nyata dan bukan kepada niat yang tersirat. Secara asalnya dalam sesebuah kontrak, niat dan qasad seseorang individu adalah tidak diambilkira.

Manakala jumhur dan majoriti ulama berhujah dengan tiga perkara iaitu Sunnah, al-Athar dan kaedah *Sadd al-Dhara'i*. Dalam hadis Ibn Mas'ud RA Nabi SAW bersabda:

لعن الله المحلل والمحلل له

Maksudnya:

“Allah SWT melaknat orang yang menghalalkan (suami kedua)
dan orang yang dihalalkan baginya (bekas suami).”

(Riwayat Abu Dawud)

Istilah “*al-muhallil*” dalam hadis ini merujuk kepada suami kedua yang berkahwin dengan wanita yang telah dijatuhkan talak tiga. Beliau disifatkan sebagai “orang yang menghalalkan” kerana tujuan perkahwinannya adalah sebagai cina buta iaitu semata-mata bermotif untuk menjadikan wanita tersebut halal dikahwini semula oleh bekas suaminya yang pertama. Ini kerana menurut syarak, syarat untuk mengahwini kembali isteri yang telah dijatuhkan talak tiga hendaklah dikahwini dan disetubuh terlebih dahulu oleh lelaki lain (suami yang baru). Namun, hadis ini secara jelas menunjukkan pengharaman perbuatan nikah *muhallil* dan tidak sah hukumnya kerana sesuatu laknat hanya berlaku ke atas perkara yang tidak harus dan dilarang menurut syarak.

Sementara hujah dari al-Athar pula antaranya ialah kata-kata yang diriwayatkan dari Umar RA:

لا أؤتي بمحلل ولا محللة إلا رجّمتهما

Maksudnya:

“Tidak dibawa kepada aku orang yang menghalalkan (suami kedua) dan wanita yang dihalalkan (isteri yang bersubahat) melainkan aku merejam kedua-duanya.”

(Riwayat Abdul Razak)

Athar ini menjelaskan bahawa perbuatan nikah *muhallil* itu suatu kesalahan dan jenayah berat. Perbuatan tersebut menyebabkan pernikahan tidak sah, malah ia dikategorikan sebagai

salah satu bentuk perzinaan. Mereka yang terlibat layak menerima hukuman hudud seperti rejam bagi penzina *muhsan* (yang telah berkahwin).

Manakala hujah berdasarkan prinsip *Sadd al-Dhara'i'* ialah sepetimana yang diperkatakan oleh Ibn Qayyim RH (t.th) yang bermaksud:

*“Sesungguhnya banyak jenis pernikahan yang berasaskan perasaan redha meredhai antara pasangan suami isteri dibatalkan sebagai mengambil langkah *Sadd al-Dhara'i'* (menutup jalan ke arah kerosakan)... Antaranya ialah pengharaman nikah *muhallil* (cina buta) yang langsung tidak mempunyai keinginan untuk menjadikan wanita tersebut sebagai isteri, sebaliknya ada keinginan tersirat yang menjadikan si lelaki sama seperti kedudukan seorang penzina walaupun dalam bentuk dan gambaran yang berbeza.”*

Perselisihan pandangan dalam kalangan para ulama berkenaan isu nikah *muhallil* adalah berpuncu dari perbezaan pemahaman mereka terhadap nas hadis Nabi SAW:

لعن الله المحل والمحل له

Maksudnya:

“Allah SWT melaknat orang yang menghalalkan (suami kedua) dan orang yang dihalalkan baginya (bekas suami).”

(Riwayat Abu Dawud)

Barangsiapa yang memahami kalimah ‘laknat’ dalam hadis tersebut mengakibatkan ‘berdosa’ sahaja maka dia akan mengatakan nikah *muhallil* adalah sah. Sebaliknya, sesiapa yang memahaminya sebagai ‘berdosa yang merosakkan akad’ sebagaimana kesan daripada *al-Nahyu* (larangan) yang boleh merosakkan akad, maka dia akan mengatakan pernikahan tersebut adalah tidak sah dan terbatal.

7. Pandangan Rajih

Pandangan yang *rajih* berkenaan isu ini ialah pandangan jumhur dan majoriti ulama iaitu pengharaman nikah *muhallil*. Nas-nas secara jelas menunjukkan tidak sah dan terbatalnya pernikahan ini, meskipun pada asalnya pernikahan tersebut telah memenuhi rukun dan syarat pernikahan. Bagaimanapun, ia tetap diharamkan kerana mempunyai matlamat perkahwinan yang salah dan terpesong daripada syariat. Perkahwinan seumpama ini juga akan merendahkan martabat kaum wanita. Ini kerana maruah dan harga diri mereka dipermainkan dengan sewenang-wenangnya bagi memenuhi keinginan bekas suami yang menyesal akibat terburu-buru dalam membuat keputusan sehingga melakukan kesilapan. Secara tidak langsung, perbuatan ini juga menyerupai perlakuan zina, selain mendorong kepada pengabaian hak dan kebijakan wanita yang terlibat. Ibn Qayyim RH (t.th) menyatakan dengan maksud:

“Bagaimana boleh dianggap pernikahan ini mampu menghalalkan si isteri kepada suaminya yang pertama dengan niat pembatasan had tempoh perkahwinan. Sedangkan suami itu tidak mempunyai sebarang keinginan untuk meneruskan hubungan, melangsungkan keturunan, mendidik anak-anak dan tujuan lain yang tersirat di sebalik pensyariatan perkahwinan. Sesungguhnya pernikahan dari segi gambaran sahaja merupakan penipuan dan pendustaan yang sama sekali tidak

disyariatkan oleh Allah SWT. Ia juga tidak diharuskan kepada sesiapa kerana amalan tersebut mengandungi kerosakan dan kemudaran kepada setiap individu terlibat.”

8. Penutup

Kaedah *Sadd al-Dhara'i'* merupakan kaedah pencegahan yang diperlakukan sejak dahulu lagi. Syariat Islam menganjurkan konsep pencegahan dalam pelbagai aspek kehidupan kerana menyedari hakikat ‘mencegah adalah lebih baik daripada merawat’. Konsep pencegahan yang terkandung dalam kaedah *Sadd al-Dhara'i'* sangat signifikan dalam mengatasi pelbagai masalah termasuklah dalam aspek *munakahat* seperti isu nikah *muhallil*. Kajian menunjukkan bahawa terdapat dua pandangan utama dalam isu nikah *muhallil*. Ada golongan ulama yang mengharuskannya dan ada pula yang melarang. Walaubagaimanapun, bagi mengaplikasikan prinsip *Sadd al-Dhara'i'* iaitu menutup ruang-ruang kerosakan, pernikahan seumpama ini wajar dilarang dan diharamkan. Ini sebagai langkah memartabatkan institusi perkahwinan dan memelihara *maqasid* (matlamat-matlamat) asal yang terkandung di sebalik pensyariatan pernikahan.

Maqasid hifz al-nasab (matlamat memelihara keturunan) akan terabai sekiranya budaya nikah *muhallil* diharuskan. Justeru, berdasarkan kepada dalil-dalil dan prinsip *Sadd al-Dhara'i'*, hukum nikah *muhallil* adalah haram dan tidak sah kerana tidak dapat mencapai objektif yang digariskan oleh syarak dalam ibadah perkahwinan. Ia juga mengundang pelbagai impak negatif terutamanya kepada pihak-pihak terlibat dan secara amnya kepada seluruh masyarakat.

9. Bibliografi

- Al-Quran.
- Ābādiy, Abī al-Tayyib Muḥammad Shams al-Haq. (1990). ‘Awn al-Ma’būd Sharḥ Sunan Abī Dawūd, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Abd al-Razzaq. (t.th). Musannaf Abd al-Razzaq, t.t:t.pt
- Abū Zuhrah, Muhammad. (t.th). Usūl Fiqh, t.tp: Matba‘at Mukhaimar.
- Al-Bājī, Sulaymān bin Khalaf. (1986). Ihkam al-Fusūl fī Ahkām al-Usūl, Beirūt: Dār al-Gharb al- Islamiy.
- Al-Būrnū, Muḥammad Sidqi bin Aḥmad. (1983). Al-Wajīz fī Īdāh Qawā'id al-Fiqh al- Kulliyah, Beirūt: Muassasah al-Risālah.
- Al-Kāsāni, Abu Bakr bin Su'ūd. (2000). Bādā'i' al-Şanā'i' Fī Tartīb al-Sharā'i', Beirūt: Dār al- Ma'rifah.
- Al-Khurasyiy, Muḥammad bin ‘Abdullah. (1997). Ḥasyiah al-Khurasyiy, Beirūt: Dār al-Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Muqri, Ahmad Muhammad, (1996), Majallat Majma‘ al-Fiqh al-Islāmi, Libya : Jam‘iyāt al- Dakwah al-Islāmiyyah al-‘Ālamiyah.
- Al-Naysābūri, Muslim bin al-Hajjāj. (1954). Sahīh Muslim, Beirūt: Dār Ihyā' al-Turāth al- ‘Arabiyy.
- Al-Qurafī, Ahmad bin Idris. (1973). Sharh Tanqīh al-Fusūl fī Ikhtisār al-Mahsūl Fī al-Usūl, Beirūt: Dār al-Fikr.
- Al-Qurtubiy, Muhammad bin Ahmad. (1967). Al-Jāmi' li Ahkām al-Qurān, al-Qāherah: Dār Al- Kātib al-‘Arabiyy.
- Al-Shātibi, Ibrāhīm bin Mūsa. (t.th). Al-Muwāfaqāt fī Usūl al-Ahkām, al-Qāherah: Matba‘at al- Madani.
- Al-Shawkāni, Muhammad bin Ali. (1994). Irshād al- Fuhūl Ilā Tahqīq al-Haq Min Ilmi al-Usūl. Beirūt: Dār al- Kutub al-‘Ilmiyyah.
- Al-Shirazi, Abi Ishaq. (1996). Al-Muhazzab fi Fiqh al-Imam al-Shafī', Dimasyq: Dar al- Qalam.

- Al-Tirmizi, Muhammad bin Isa. (1980). *Al-Jāmi' al-Sahīh*, Beirūt: Dār al-fikr.
- Al-Zuhayli, Wahbah. (1989). *Al-Fiqh al-Islāmiy Wa Adillatuh*, Dimasyq: Dār al-Fikr.
- Ibn Manzūr, Jamāluddin Muhammad bin Mukram. (1968). *Lisān al- 'Arab*, Beirūt: Dār Sādir.
- Ibn Qayyim al-Jawziyyah, Muhammad bin Abi Bakar. (t.th). 'A'lām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Alāmin, t,p: Dar al-Hadith.
- Ibn Qayyim, Muhammad bin Abī Bakr. (1993). 'Alām al-Muwaqqi'iñ 'an Rabb al-'Alāmin, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Qudāmah, 'Abdullah bin Aḥmad. (1994). *Al-Mughnī 'Alā Mukhtaṣar al-Khiraqiy*, Beirūt: Dār al-Kutub al-Ilmiyyah.
- Ibn Rushd, Muhammad bin Ahmad al-Qurtubiy., (1988). *Al-Muqaddimāt al-Mumahhidāt Li Bayān Mā I'taqadhu al-Mudawanah Min Ahkām al-Shar'iyyah Wa al-Tahsīlāt al-Muhkamāt Li Ummahāt Masā'ilīha al-Mushkilāt*, Beirūt: Dār al-Gharbiy al-Islāmiy.
- Ibn Taymiyyah, Ahmad bin Abd. Halīm. (t.th). *Al-fatāwa al-kubrā*, t,tp: Dār al-Kutub al-Hadīthah.
- Qal'ahjīy, Muḥammad Rawwās. (2000). *Al-Mawsu'at al-Fiqhiyyah al-Muyassarah*, Beirut: Dar al-Nafā'is.
- Terjemahan al-Qurān Bahasa Indonesia, Madinah: Mujamma' Khadim al-Haramain al-Sharifain al-Malik Fahd.